

SHELL 125 TAHUN PWP (BEKAS WARISAN SHELL) – TERMA DAN SYARAT

1. Tempoh promosi Shell 125 Tahun PWP (Bekas Warisan Shell) (**“Promosi”**) ialah dari 18 September 2016 hingga 31 Oktober 2016; termasuk kedua-dua tarikh (**“Tempoh Promosi”**).
2. Promosi dianjurkan secara kolektif oleh Shell Malaysia Trading Sdn Bhd dan Shell Timur Sdn Bhd (secara kolektif dirujuk sebagai “Shell”) dan terbuka kepada semua pelanggan Shell (“Pelanggan”) di semua Shell Select dan Kedai Stesen (di mana berkaitan) di Malaysia (“Stesen Shell”).
3. Pembelian atau penebusan (di mana berkaitan) Bekas Warisan Shell Besar, Bekas Warisan Shell Mini, Lori Tangki Shell dan Kit Penjagaan Kereta Shell Helix (secara kolektif dirujuk sebagai “Bekas Warisan Shell”) tertakluk kepada (i) Tarikh Pengeluaran Bekas Warisan Shell (seperti ditetapkan dalam Klausa 4) dan (ii) pembelian minimum yang disyaratkan dalam Klausa 5 dan (iii) hanya sah sementara stok masih ada.
4. Pelanggan Shell boleh membeli atau menebus (di mana berkaitan) Bekas Warisan Shell mengikut prasyarat dalam Klausa 3, sebaik sahaja ia dikeluarkan mengikut tarikh pengeluaran berikut mengikut minggu yang ditetapkan di bawah (“Tarikh Pengeluaran”):

Tarikh Pengeluaran	Nama Produk
18 September 2016	(a) Bekas Warisan Shell Besar 1920-an (b) Bekas Warisan Shell Mini 1920-an (c) Kotak Simpanan Bekas Warisan Shell Mini (d) Kit Penjagaan Kereta Shell Helix
25 September 2016	(a) Bekas Warisan Shell Besar 1950-an (b) Bekas Warisan Shell Mini 1950-an
2 Oktober 2016	(a) Bekas Warisan Shell Besar 1960-an (b) Bekas Warisan Shell Mini 1960-an
9 Oktober 2016	(a) Bekas Warisan Shell Besar 1980-an (b) Bekas Warisan Shell Mini 1980-an
16 Oktober 2016	Lori Tangki Shell

5. Pembelian atau penebusan setiap satu Bekas Warisan Shell dan Kotak Simpanan Bekas Warisan Shell Mini boleh dibuat mengikut syarat berikut:

(A) Pembelian Bekas Warisan Shell Besar dan Lori Tangki Shell

- (i) Dengan pembelian sebarang petrol Shell minimum RM40 dalam satu resit dalam Tempoh Promosi, Pelanggan Shell layak membeli satu (1) model Bekas Warisan Shell Besar atau Lori Tangki Shell (bergantung pada Tarikh Pengeluaran) pada RM12.90 setiap satu.
- (ii) Setiap Bekas Warisan Shell Besar mengandungi satu (1) Magnet Peti Sejuk Shell percuma.
- (iii) Pembelian Lori Tangki Shell juga menerima satu (1) Tuala Sukan Shell percuma.

- (iv) Pembelian Bekas Warisan Shell Besar atau Lori Tangki Shell boleh dibuat di semua Stesen Shell.

(B) Pembelian Kit Penjagaan Kereta Shell Helix

- (i) Dengan pembelian minimum satu (1) pek Minyak Pelincir Shell Helix HX5 (3 Liter) atau (4 Liter) dalam satu resit semasa Tempoh Promosi, Pelanggan Shell layak membeli satu (1) model Kit Penjagaan Kereta Shell Helix pada RM12.90 setiap satu.
- (ii) Setiap Kit Penjagaan Kereta Shell Helix mengandungi span percuma; kain berjenama Shell dan penyegar udara.
- (iii) Pembelian Kit Penjagaan Kereta Shell Helix boleh dibuat di semua Stesen Shell.

(C) Penebusan Kit Penjagaan Kereta Shell Helix

- (i) Dengan pembelian minimum satu (1) pek Shell Helix Ultra (4 Liter) atau Shell Helix HX7 (4 Liter) dalam satu resit semasa Tempoh Promosi, Pelanggan Shell layak menebus satu (1) model Kit Penjagaan Kereta Shell Helix dengan percuma.
- (ii) Penebusan Kit Penjagaan Kereta Shell Helix hanya sah sementara stok masih ada dan Pelanggan Shell tidak boleh membeli mana-mana Bekas Warisan Shell dan/atau Kotak Simpanan Bekas Warisan Shell Mini dengan penebusan ini.
- (iii) Setiap Kit Penjagaan Kereta Shell Helix mengandungi span percuma; kain berjenama Shell dan penyegar udara.
- (iv) Pembelian Kit Penjagaan Kereta Shell Helix boleh dibuat di semua Stesen Shell.

(D) Pembelian Bekas Warisan Shell Mini

- (i) Dengan pembelian minimum sama ada (i) produk Shell SELECT (tidak termasuk Touch 'n Go, e-Pay, Produk Tembakau, Alkohol & Minyak Pelincir Shell) bernilai RM6 dan ke atas dalam satu resit atau (ii) sebarang amaun dalam satu resit untuk pembelian produk promosi SELECT (contoh: Beli 2x Chipsmore 88g pada RM4.00) semasa Tempoh Promosi, Pelanggan Shell layak untuk membeli satu (1) model Bekas Warisan Shell Mini (bergantung pada tarikh pengeluaran) pada RM7.90 setiap satu.
- (ii) Setiap Bekas Warisan Shell Mini mengandungi satu (1) Rantai Kunci Shell percuma.
- (iii) Pembelian Bekas Warisan Shell Mini boleh dibuat di Shell Select di Stesen Shell sahaja.

(E) Pembelian Kotak Simpanan Bekas Warisan Shell Mini

- (i) Satu (1) unit Kotak Simpanan Bekas Warisan Shell boleh dibeli pada RM29.90.
- (iv) Pembelian Kotak Simpanan Bekas Warisan Shell Mini boleh dibuat di Shell Select di Stesen Shell sahaja.

6. Untuk mengelakkan keraguan dan mengikut Tarikh Pengeluaran yang ditetapkan bagi setiap model:
 - (a) setiap Pelanggan Shell hanya boleh membeli maksimum tiga (3) Bekas Warisan Shell Besar, Bekas Warisan Shell Mini dan Lori Tangki Shell bagi setiap transaksi pembelian petrol Shell atau produk SELECT yang berkaitan seperti dinyatakan diatas, Sebagai contoh:
 - (i) apabila Pelanggan Shell membeli petrol Shell bernilai Ringgit Malaysia Satu Ratus Enam Puluh (RM160.00) seperti yang disenaraikan dalam Klausula 5, pembelian maksimum ialah tiga (3) Bekas Warisan Shell Besar dan/atau Lori Tangki Shell, BUKAN empat (4) Bekas Warisan Shell Besar dan/atau Lori Tangki Shell; atau
 - (ii) apabila Pelanggan Shell membeli produk SELECT bernilai Ringgit Malaysia Dua Puluh Empat (RM24.00) seperti yang disenaraikan dalam Klausula 5, pembelian maksimum ialah tiga (3) Bekas Warisan Shell Mini, BUKAN empat (4) Bekas Warisan Shell Mini.
 - (b) Bagaimanapun tiada had ditetapkan kepada Pelanggan Shell untuk membeli Kit Penjagaan Kereta Shell Helix selagi prasyarat berkaitan dalam Klausula 4 dipenuhi. Contohnya:
 - (i) Pelanggan Shell layak membeli empat (4) model Kit Penjagaan Kereta Shell Helix jika Pelanggan Shell tersebut telah membeli empat pek Shell Helix HX5 (4 Liter); atau
 - (ii) Pelanggan Shell layak menebus empat (4) model Kit Penjagaan Kereta Shell Helix jika Pelanggan Shell tersebut telah membeli empat pek Shell Helix Ultra (4 Liter).
7. Untuk membeli Bekas Warisan Shell, Pelanggan Shell mesti menyerahkan, semasa Tempoh Promosi, resit asal pembelian selewat-lewatnya tujuh (7) hari selepas pembelian petrol Shell, minyak pelincir atau produk SELECT berkaitan, di stesen Shell yang sama di mana pembelian tersebut dibuat.

Contohnya, Pelanggan Shell menerima resit asal pembelian mereka pada 18 September 2016, resit tersebut tidak lagi laku untuk pembelian sebarang Bekas Warisan Shell selepas 24 September 2016, 23.59.59.
8. Pelanggan Shell tidak layak menerima mata ganjaran BonusLink dengan pembelian sebarang Bekas Warisan Shell dan Kotak Simpanan Bekas Warisan Shell Mini.
9. Sebarang model Bekas Warisan Shell dan Kotak Simpanan Bekas Warisan Shell Mini yang dibeli semasa Tempoh Promosi tidak boleh dikembalikan dan ditukar.
10. Pengguna Kad Shell Fleet layak menyertai Promosi ini apabila mereka menggunakan Kad Shell Fleet mereka semasa transaksi.

11. Untuk mengelakkan keraguan, mana-mana harga yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini telah termasuk Cukai Barangan dan Perkhidmatan GST.
12. Shell berhak mengikut budi bicaranya untuk mempelbagai, memadam atau menambah kepada mana-mana Terma dan Syarat ini tanpa notis terlebih dahulu atau untuk menamatkan promosi pada bila-bila masa tanpa notis atau liabiliti.
13. Terma dan Syarat ini, yang boleh dipinda dari semasa ke semasa menurut Klausula 11 di atas, adalah mengatasi semua peruntukan atau pernyataan yang terkandung dalam mana-mana bahan promosi atau pengiklanan Promosi ini.
14. Semua keputusan yang dibuat oleh Shell berhubung Promosi ini atau jika berlaku sebarang pertikaian, adalah muktamad.
15. Jika terdapat sebarang percanggahan, konflik, kesamaran atau perselisihan di antara versi Terma dan Syarat Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, maka Terma dan Syarat versi Bahasa Inggeris adalah diutamakan.
16. Shell berhak untuk membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi ini, dengan atau tanpa sebarang notis. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, pembatalan, penamatan atau penggantungan promosi ini oleh Shell tidak melayakkan Pelanggan Shell untuk membuat tuntutan atau pampasan terhadap Shell bagi sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh pelanggan Shell akibat langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan atau penggantungan.
17. Dalam keadaan apa jua, Shell dan Sekutunya tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik, secara langsung atau tidak langsung, kebetulan, akibat berbangkit, teladan, punitif atau kerugian khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga yang timbul sama ada di dalam kontrak, tort, kecuaiian atau sebaliknya, yang berhubung kait dengan Promosi ini, walaupun Shell telah dinasihatkan mengenai kebarangkalian kerugian berkenaan terlebih dahulu dan kerugian berkaitan adalah dikecualikan.
18. Bagi tujuan Terma dan Syarat ini, "Sekutu" bermakna sebuah syarikat secara langsung, atau tidak langsung melalui satu atau banyak perantaraan, mengawal, atau dikawal oleh, atau dikawal bersama dengan Shell. Relevan dengan ini, "kawal" bermakna pemilikan secara langsung, atau tidak langsung dengan agregat lima puluh peratus (50%) atau lebih banyak modal pengundian.
19. Untuk sebarang pertanyaan, sila layari laman sesawang kami di www.shell.com.my/heritagecanister, hubungi Talian Shell di 1-300-88-1808, atau e-mel ke generalpublicenquiries-my@shell.com